

24/03/2002

Anita 50 tahun?

Ellyna Ali

SEBAIK saja superstar Anita Sarawak dan suaminya, Mohd Mahathir Abdullah melangkah masuk ke Kompleks Sukan Bukit Jalil, suasana tiba-tiba menjadi hening seketika dan berpuluh pasang mata memberikan tumpuan kepada mereka berdua.

Wow... penampilan pasangan suami isteri ini kelihatan elegan sekali, bagi pinang dibelah dua... Malah, mereka bagaikan pasangan remaja yang dilamun cinta. Berjalan berpimpin tangan bagaikan tidak mahu berpisah walaupun sesaat. Loving couple sungguh.

Kehadiran Anita dan suaminya di kompleks itu adalah sempena dengan konsert meganya yang bakal diadakan di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 7 April nanti.

Anita yang baru menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-50 pada semalam, menjanjikan suatu persembahan yang istimewa untuk peminatnya.

"Saya akan berikan persembahan terbaik, 200 peratus. Saya harap peminat yang akan datang melihat konsert ini nanti.

"Tanpa anda semua, saya tidak mungkin berada di sini. Terima kasih banyak-banyak," katanya.

Seperti yang dipinta Anita yang lebih gemar membahasakan dirinya sebagai Kak Nita, wawancara ini menjadi sungguh santai.

Ia secara tidak langsung menimbulkan suasana yang cukup selesa untuk wartawan bertanyakan apa jua soalan kepadanya termasuk bagaimana cintanya dengan Mahathir berputik.

"Sebenarnya... Kak Nita dan Abang Mahathir (panggilan mesra Pa) ini mempunyai naluri berfikir yang sama. Malah, kami juga mempunyai kesukaan yang sama. Kereta sama, warna sama serta cakera padat sama.

"Jadi itu yang membuatkan kami selesa di antara satu sama lain. Dia juga suami yang penyayang. Kalau bangun pagi-pagi dia suka buat suprise. Macam buat kopi ke atau teh. Malah dia lebih Melayu lagi daripada Kak Nita. Malah seorang Islam yang taat pada agama.

"Masa puasa, dia puasa. Walaupun sibuk dan penat melakukan senaman di gimnasium tapi dia puasa. Kalau raya pula dia pakai baju tradisional. Ia benar-benar memeranjatkan Kak Nita sendiri.

"Dulu Kak Nita selalu tercari-cari, siapakah sebenarnya suami idaman Kak Nita. Rupa-rupanya inilah dia orangnya yang Kak Nita cari selama ini," katanya.

Anita juga mengakui bahawa dia kini sudah mula agak konservatif sekarang ini.

"Kita kena terima hakikat yang kita sudah semakin tua. Kita kena berubah lebih-lebih lagi apabila sudah berkahwin. Yang Kak Nita mahukan ini tidak banyak.

"Selain membuat kerja amal dan memberikan bantuan kepada industri muzik kita, Kak Nita juga mahu hidup bahagia bersama Abang Mahathir," katanya.

Anita yang memang pandai memasak ditanya masakan Melayu kegemaran suaminya.

"Eh kalau nak tahu, Abang Mahathir ni suka lodeh... masak lodeh, ayam panggang dan ayam rendang," katanya.

Mahathir menyampuk: "Cendol..."

Anita, "Haa.. cendol. Siap gula Melaka lagi yang susah nak kikis tu..." katanya berseloroh. Topik kemudian beralih kepada dua patung beruangnya yang bernama Cinta dan Roosevelt itu.

"Kak Nita memang mempunyai beratus-ratus koleksi anak patung beruang.

Semua ada sijil kelahiran dan pakaian masing-masing dalam sebuah almari," katanya.

Kedua-dua patung beruang itu ibarat anak sendiri. Tidakkah dia teringin untuk menimang cahaya mata sendiri?

"Hai... Kak Nita dah 50. Kalau anak Kak Nita usia 10 tahun, Kak Nita dah 60 tahun. Tak terjaga anak itu nanti. Biarlah Kak Nita hidup berdua bersama abang Mahathir. Lagipun dia sudah ada anak remaja berusia 16 tahun.

"Lagipun, menjaga Abang Mahathir pun ibarat menjaga anak. Anak Gorilla..." katanya berseloroh.

Itulah Anita pada petang itu yang sentiasa kelihatan ceria dan bahagia bersama suaminya Mohd Mahathir Abdullah. Bintang Popular mendoakan agar perkahwinan Anita kali keempat ini akan berkekalan sehingga ke akhir hayat.

(END)